# Pertumbuhan Gigi



## Apa yang dimaksudkan dengan pertumbuhan gigi?

Pertumbuhan gigi ialah proses gigi tumbuh di dalam mulut bayi/ kanak-kanak. Biasanya pertumbuhan gigi ini akan menyebabkan rasa tidak selesa dan sakit.

## Apakah tanda-tanda yang menunjukkan gigi anak anda tumbuh?

Dalam proses pertumbuhan gigi, anak anda mungkin :

- Menangis kerana tidak selesa
- Suka menggigit atau mengunyah
- Melelehkan air liur
- Demam (suhu badan meningkat sedikit)

Pertumbuhan gigi tidak akan menyebabkan gangguan kesihatan yang teruk seperti demam panas dan cirit birit. Sekiranya ini berlaku, anak perlu dibawa ke klinik/ hospital dengan segera.

## Apa yang boleh anda lakukan bagi melegakan rasa tidak selesa semasa pertumbuhan gigi?

Cuba petua di bawah untuk melegakan rasa tidak selesa anak anda:

- Berikan benda yang keras, bersih dan selamat untuk digigit seperti gegelang gigitan.
- Berikan ubat penahan sakit jika perlu.

## Peringatan

Sapu sedikit gel penahan sakit pada gusi yang berkaitan kerana anak kecil tidak pandai meludah dan mungkin tertelan gel yang berlebihan.

## Jadual pertumbuhan gigi

Rajah berikut menunjukkan peringkat pertumbuhan gigi susu




| Jenis gigi | Pertumbuhan gigi susu (usia anak) |
|---|---|
| **Gigi kacip (insisor)** | 6 - 9 bulan |
| **Gigi geraham (molar) pertama** | 12 - 15 bulan |
| **Gigi taring (kanin)** | 18 - 20 bulan |
| **Gigi geraham (molar) kedua** | 24 - 36 bulan |

### Gigi Kekal Lewat Tumbuh

### Bila pertumbuhan gigi dianggap lewat ?

Biasanya gigi kacip kekal di rahang atas tumbuh ketika kanak-kanak berumur 7 - 8 tahun. Pertumbuhan gigi dianggap lewat apabila gigi itu masih belum tumbuh bila kanak-kanak telah mencapai umur 8½ - 9 tahun ke atas.

### Kenapa berlaku kelewatan pertumbuhan gigi?

Pertumbuhan gigi lewat mungkin ada kaitan dengan :

- Gigi supernumerari (gigi yang lebih)
- Pembentukan gigi yang tidak normal.
- Bentuk gigi kekal atas yang tidak normal .
- Ruang rahang tidak mencukupi.
- Penyakit tisu lembut atau tulang gigi setempat.

Kelewatan pertumbuhan gigi jarang disebabkan oleh penyakit lain kecuali penyakit yang mengganggu pertumbuhan dan perkembangan tulang seperti :

- Rickets

- Hypothyroidism
- Fibrous dysplasia
- Down's syndrome

## Apa yang perlu anda lakukan bila gigi lewat tumbuh ?

- Bawa anak anda berjumpa doktor pergigian jika gigi kacip kekal masih belum tumbuh setelah mencapai umur 8½ - 9 tahun.
- Jangan tangguhkan pemeriksaan pergigian kerana keadaan mungkin menjadi rumit.

## Jadual pertumbuhan gigi

### ( Jadual ini adalah sebagai panduan sahaja)

### Gigi susu




### Gigi kekal




### JADUAL PERTUMBUHAN GIGI SUSU ( DESIDUS ) & MASA TANGGAL

| Jenis gigi | Masa petumbuhan | Masa tanggal |
|---|---|---|
| **Atas :** | | |
| **Kacip Pertama** | 7 bulan | 6 tahun |

| Jenis gigi | Masa petumbuhan | Masa tanggal |
|---|---|---|
| **Kacip Kedua** | 9 bulan | 7 - 8 tahun |
| **Taring** | 18 bulan | 12 - 14 tahun |
| **Geraham Pertama** | 14 bulan | 11 - 12 tahun |
| **Geraham Kedua** | 24 bulan | 12 - 14 tahun |
| **Bawah :** | | |
| **Kacip Pertama** | 6 bulan | 6 tahun |
| **Kacip Kedua** | 7 bulan | 7 tahun |
| **Taring** | 16 bulan | 9 - 10 tahun |
| **Geraham Pertama** | 12 bulan | 10 - 12 tahun |
| **Geraham Kedua** | 20 bulan | 11 - 12 tahun |

Nota : Masa pertumbuhan lebih atau kurang 6 bulan dari masa yang dinyatakan di atas, dikira normal.

## JADUAL PERTUMBUHAN GIGI KEKAL

| Jenis gigi | Masa pertumbuhan |
|---|---|
| **Atas :** | |
| **Kacip Pertama** | 7 - 8 tahun |
| **Kacip Kedua** | 8 - 9 tahun |
| **Taring** | 11 - 12 tahun |
| **Geraham Kecil Pertama** | 10 - 11 tahun |
| **Geraham Kecil Kedua** | 10 - 12 tahun |
| **Geraham Pertama** | 6 - 7 tahun |
| **Geraham Kedua** | 11 - 13 tahun |
| **Geraham Ketiga** | 17 - 21 tahun |

| Jenis gigi | Masa pertumbuhan |
|---|---|
| **Bawah :** | |
| **Kacip Pertama** | 6 - 7 tahun |
| **Kacip Kedua** | 7 - 8 tahun |
| **Taring** | 9 - 10 tahun |
| **Geraham Kecil Pertama** | 10 - 12 tahun |
| **Geraham Kecil Kedua** | 11 - 12 tahun |
| **Geraham Pertama** | 6 - 7 tahun |
| **Geraham Kedua** | 11 - 13 tahun |
| **Geraham Ketiga** | 17 - 21 tahun |

Nota : Masa pertumbuhan lebih atau kurang 6 bulan dari masa yang dinyatakan diatas, dikira normal.

## Penjagaan Gigi Kanak-kanak Istimewa

## Latar belakang

Kanak-kanak istimewa ialah kanak-kanak yang memerlukan penjagaan khusus kerana mempunyai masalah fizikal, mental atau pun perubatan.

## Mengapa mereka memerlukan penjagaan gigi khusus?

Kanak-kanak istimewa memerlukan penjagaan gigi khusus kerana:

- mereka mudah atau berisiko tinggi untuk mengidap penyakit gigi kerana mereka tidak berupaya menjaga kebersihan mulut sendiri.
- rawatan gigi mungkin sukar dilakukan kerana masalah fizikal, mental atau pun perubatan yang dihidapi .
- rawatan dengan bius am (general anaesthesia) mungkin diperlukan .

## Bagaimana anda boleh membantu kanak-kanak ini mencegah penyakit gigi ?

Penyakit gigi boleh dicegah dengan memastikan:

- Penjagaan kebersihan mulut yang baik - berus gigi setiap hari terutama selepas makan dan sebelum tidur dengan menggunakan ubat gigi berfluorida.
- Makan secara sihat dengan pengambilan makanan seimbang dan kurang kandungan gula.
- Dapatkan pemeriksaan pergigian secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun.

# Menghisap Ibu Jari

## Latar belakang



Menghisap ibu jari adalah tabiat yang biasa di kalangan kanak-kanak.
Kebanyakan kanak-kanak akan menghentikan tabiat ini apabila mencapai umur 2 hingga 4 tahun.

## Bilakah tabiat menghisap ibu jari menjadi satu masalah?

Menghisap ibu jari akan menjadi satu masalah JIKA tabiat ini berterusan sehingga gigi kacip kekal tumbuh.

## Apakah kesan menghisap ibu jari?

Tabiat menghisap ibu jari yang berterusan boleh menyebabkan :

- Gigi jongang



- Masalah gigitan



Gigitan terbuka - gigi kacip di rahang atas dan bawah tidak rapat

## Bagaimana tabiat ini boleh dihentikan?

Berikut ialah antara petua untuk membantu anak anda berhenti menghisap ibu jari.

- Balut ibu jari.
- Sapukan bahan yang rasanya tidak disukai oleh kanak-kanak seperti kuinin atau lada sulah pada ibu jari.
- Beri pujian, ganjaran dan perhatian apabila anak anda tidak menghisap ibu jari.
- Pastikan anak anda sibuk dengan aktiviti seperti menyanyi dan bermain muzik supaya lupa untuk menghisap jari.
- Libatkan anak anda dengan aktiviti yang melibatkan pergerakan tangan. contoh: alat permainan
- Dapatkan khidmat nasihat pakar sekiranya tabiat ini berterusan sehingga gigi kacip kekal tumbuh (berumur 7-8 tahun).

## Gigi Bertukar Warna

## Apakah yang dimaksudkan dengan gigi bertukar warna ?

Gigi dikatakan mengalami perubahan warna jika warnanya tidak kelihatan seperti normal. Perubahan warna ini disebabkan oleh dua faktor:

- Masalah semasa pembentukan gigi yang mana boleh menyebabkan warna gigi itu berubah. Ia dikenali sebagai perubahan warna intrinsik.
- Benda asing yang melekat pada permukaan luar gigi selepas gigi tumbuh. Ia juga disebutkan sebagai perubahan warna extrinsik.

## Apakah punca perubahan warna gigi?

Perubahan warna intrinsik boleh berlaku disebabkan oleh :

- Kerosakan gigi (karies)
- Pengambilan ubat tetracycline atau fluorida yang berlebihan semasa tempoh pembentukan gigi
- Kecederaan gigi
- Masalah kesihatan semasa tempoh pembentukan gigi
- Masalah kongenital saluran hempedu

Perubahan warna extrinsik pula berlaku mungkin disebabkan oleh:

- Pengambilan ubat-ubatan yang berpanjangan seperti zat besi
- Bakteria dalam mulut.

## Peringatan apabila mengambil antibiotik

Ubat tetracycline yang dimakan oleh ibu hamil juga boleh menyebabkan warna gigi susu anak menjadi tidak normal.

## Bagaimanakah perubahan warna gigi berlaku?

Warna gigi boleh bertukar menjadi:

- coklat
- hitam
- hijau
- kelabu kebiruan.
- putih berkapur

Antara contoh gigi yang bertukar warna:







## Implikasi perubahan warna gigi

Kanak-kanak yang mempunyai gigi yang mengalami perubahan warna :

- akan membesar dengan paras rupa yang kurang menarik
- mempunyai kurang keyakinan diri

## Bolehkah warna ini dihilangkan?

Penstainan ekstrinsik mudah dihilangkan dengan penskaleran dan penggilapan (polishing) manakala penstainan intrinsik memerlukan kaedah rawatan yang lebih rumit.

## Apa yang anda boleh lakukan untuk mencegah gigi bertukar warna?

Untuk mengelak penstainan intrinsik:

- Amalkan penjagaan kesihatan pergigian yang baik.
- Beri tunjuk ajar kepada kanak-kanak tentang penggunaan ubat gigi berfluorida bagi mengelakkan penggunaan yang berlebihan.
- Beri tunjuk ajar kepada kanak-kanak tentang penggunaan ubat gigi berfluorida bagi mengelakkan penggunaan yang berlebihan.
- Guna alat pelindung mulut semasa aktiviti lasak seperti berbasikal dan ragbi.

Untuk mengelak penstainan ekstrinsik:

- Berus gigi sehingga bersih setiap hari terutama selepas makan dan sebelum tidur.
- Dapatkan pemeriksaan pergigian secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun.

Semakan akhir : 30 Mei 2008